

# Kata puitis 'hidupkan' cerita

» Kumpulan cerpen Mawar Safei tampilkan wanita kuat, tabah melawan dalam kesabaran

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

Menelusuri kumpulan cerpen *Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah* membawa kita kepada satu dunia yang setiap satu daripada kisahnya dibanggakan oleh kata-kata yang puitis.

Sudah tentu kekuatan pengarangnya, iaitu Mawar Safei, tidak lain adalah bahasanya yang cukup indah seperti yang kita kenali melalui kepengarangannya dalam dunia cerpen.

Justeru, perjalanan membaca kumpulan cerpen ini berakhir dengan keindahan juga. Mawar antara pengarang wanita yang berpengaruh di negara ini.

Sebelum muncul dengan kumpulan cerpen *Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah*, Mawar terlebih dulu membawa kita untuk mengenali kekuatan watak Masitah lewat kumpulan cerpen *Masitah* yang terbit pada tahun 2007.

Justeru, kehadiran naskhah terbaharu ini pada ranah kesusasteraan adalah sebuah lagi testimoni kekuatan Mawar dalam mengolah karyanya.

### Sentuh hati, peribadi Mawar

Menghimpunkan 20 cerpen yang sebelum ini sudah diterbitkan di

pelbagai media, Mawar selalu menyorot naratifnya dari kaca mata wanita.

Indahnya, watak wanita di tangan Mawar ditampilkan memiliki perwatakan yang sangat kuat dan tabah serta sekiranya melawan, tetap dalam kesabaran.

Merangkumi pelbagai tema dari isu kasih sayang, persahabatan, bahasa, sastera dan agama kepada hal berkaitan kehidupan, Mawar menerusi *Antara Rindu Xiang Si Dou* menuliskan persahabatan yang dibajai tetapi kemudiannya terputus kerana keluarga yang perlu berhijrah ke negara lain.

Karya ini menyentuh hati dengan cara tersendiri kerana jika mengambil latar peribadi Mawar, mungkin kisah ini rakaman perpisahan Malaysia dan Singapura.

### Sorotan segar, terima pengiktirafan

*Cerita Dari Tiga Jendela* pula adalah kisah biasa ditemui dalam kehidupan tetapi disorot dengan segar oleh Mawar sehingga menjadikannya istimewa.

Kumpulan cerpen ini juga dikuatkan dengan beberapa karya yang sudah menerima pelbagai pengiktirafan sastera termasuk Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) seperti *Narasi Cinta Di Pulau Seribu Kubah* yang membawa pembaca ke perspektif lain menilai keperibadian



### Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah

- ⊙ Penulis: Mawar Safei
- ⊙ Halaman: 244
- ⊙ Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- ⊙ Harga: RM18
- ⊙ Penilaian: ★★★★★

lelaki dari Lombok, Indonesia.

Begitu juga dengan cerpen *Dia Dari Penjuru Tahun Lalu* yang turut meraih hadiah sastera pada tahun 2008, selain *Antara Tikungan Yang Aneh* yang mencuri hati panel juri pada tahun 2012.

Selebihnya meskipun tidak memenangi pengiktirafan sastera, tetapi masih karya yang baik untuk dibaca. Menikmati *Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah* adalah pengalaman membaca yang menyenangkan.

## BUKU PILIHAN

### KUMPULAN PUISI

#### Belum Selesai

Naskhah tulisan Raja Yusof Ariffin ini menghimpunkan pelbagai puisi yang bergerak sebagai lambang perjuangan dan pencarian kekuatan dalam menempuh kehidupan yang berliku yang dirakam daripada pelbagai sisi yang mungkin tidak diperhatikan oleh umum.

- Harga: RM20
- Penerbit: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
- Halaman: 88
- Bintang: ★★★



### ILMIAH

#### Gagasan Kesyumulan Fiqh Muamalat

Kajian Datuk Dr Hailani Muji Tahir ini wajar menjadi asas kepada pembaca untuk memahami konsep dan falsafah ekonomi dalam kerangka agama yang kemudian dijemakan sebagai sistem perekonomian atau muamalat Islam yang moden. Buku ini menumpukan gagasan ilmu dalam fiqh muamalat, konsep serta prinsipnya dalam transaksi kewangan, instrumen, mekanisme dan aplikasi dalam konteks forensiknya, selain sifat dinamik dalam sistemnya.

- Harga: RM40
- Penerbit: Penerbit UKM
- Halaman: 365
- Bintang: ★★★★★



### NOVEL

#### Kelat-Kelat Sayang

Karya Izzul Izzati ini menampilkan watak Salina yang berdepan jalan yang berliku dalam menemukan cinta sejatinya. Bercinta dengan A, bertunang dengan B dan menghadap jurunikah dengan C sehingga menimbulkan persoalan siapakah jejak yang menjadi takdir sebagai pasangan yang akan mengisi hidup sehingga masa tuanya.

- Harga: RM24.90
- Penerbit: SR Publication
- Halaman: 597
- Bintang: ★★★



## LARIS DI PASARAN

### MPH 3 Mac 2016

#### Bukan Cereka

- ⊙ *Henshin Muslimah: From Jahiliyah to Jannah!* oleh Kak Hassanah
- ⊙ *Village People* oleh Faizdickie
- ⊙ *Terima Kasih Si Babi Hutan* oleh Ismaif Ariffin@Lepat
- ⊙ *365 Dr Anwar Fazal* oleh Dr Anwar Fazal
- ⊙ *Diagnosis 2* oleh Dr Anwar Fazal, Dr Aizat, Dr Azah, Dr Fatin Liyana, Dr Beni Rusani, Dr Mafeitz dan Dr Mahyuddin

#### Cereka

- ⊙ *Tundukkan Playboy Itu* oleh Anjell
- ⊙ *Mereka* oleh Ariff Adly
- ⊙ *Mr & Mrs Sweet* oleh Q Aulia
- ⊙ *Sunan Cinta Nan Sakti* oleh Ramlee Awang Murshid
- ⊙ *Bimbo* oleh Rin Ahmad

Sumber: MPH Bookstores  
www.mphonline.com

### POPULAR 6 Mac 2016

#### Bukan Cereka

- ⊙ *Momen Matluthfi* oleh Mat Luthfi
- ⊙ *Rehabilitasi* oleh Faiz Ibrahim
- ⊙ *Bro: Balik Sekolah* oleh Ernest Ng
- ⊙ *Kisah-Kisah Para Nabi & Rasul* oleh Abdullah Bin Mubarak
- ⊙ *1 Hari 1 Resipi: 505 Resipi Istimewa* oleh Chef Hanieliza PTS Publishing House

#### Cereka

- ⊙ *Tundukkan Playboy Itu* oleh Anjell
- ⊙ *Uda & Dara* oleh Aisya Sofea
- ⊙ *Mr & Mrs Sweet* oleh Q Aulia
- ⊙ *Isteri vs Tunang* oleh Aesya Azhar
- ⊙ *Cik Calla Lilly dan Encik Bos* oleh Airisz

Sumber: Popular Book Co Sdn Bhd  
www.popular.com.my

## PROFIL

### Mawar Safei

- ⊙ Dilahirkan di Singapura pada tahun 1971.
- ⊙ Mendapat pendidikan awal di Singapura dan Johor Bahru serta memperoleh Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (1995) dan Sarjana Sastera (1997) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebelum mendapat Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Bandingan dari Nanyang Technological University, Singapura (2006).
- ⊙ *Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah* ialah kumpulan cerpen beliau yang keempat selepas *Zel* yang diterbitkan pada 1998; *Montaj II* (2002) dan *Masitah* (2007).
- ⊙ Mawar kini berkhidmat di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial, UKM.

